

YB minta naik gaji kakitangan kerajaan

Pendapatan penjawat awam terlalu rendah berbanding negara lain



DEWAN
RAKYAT

Laporan Rohaniza Idris

AHLI Parlimen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang menggesa kerajaan menaikkan gaji semua kakitangan awam antara 10 hingga 40 peratus sebagai menghargai jasa golongan berkenaan yang menjadi nadi dan jentera pentadbiran negara.

Mereka juga membuat gesaan itu kerana berpendapat gaji kakitangan awam kini terlalu rendah berbanding negara lain.

Cadangan kenaikan gaji kakitangan kerajaan itu dibangkitkan Datuk Mohamed Aziz (BN-Sri Gading) ketika membahaskan Bajet 2007 di

Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, gaji kakitangan awam perlu dinaikkan bagi meringankan beban mereka berikutan kenaikan harga barang.

"Semua benda pun dah naik, gula naik, barang keperluan naik, minyak naik, sewa rumah naik, mas kahwin pun dah naik tetapi gaji kakitangan awam tak naik-naik.

"Bayangkan gaji seorang atendan hospital RM497 sebulan, hidup di bandar besar, nak makan apa...nak makan maggi pun tidak cukup," katanya.

Beliau mencadangkan kakitangan awam yang menerima gaji pokok di bawah RM1,000 sebulan dinaikkan sebanyak 40 peratus, manakala mereka yang mendapat gaji antara RM1,000-RM2,000 dinaikkan sebanyak 20 peratus dan pekerja yang mendapat RM2,000 ke atas dinaikkan sebanyak 10 peratus.

Gesaan Mohamed Aziz itu diper-

setujui Datuk Bung Moktar Raden (BN-Kinabatangan) yang berpendapat kenaikan gaji itu sepatutnya sudah lama diberi perhatian kerajaan kerana gaji kakitangan awam terlalu rendah.

"Malaysia adalah sebuah negara yang gaji kakitangan awamnya terlalu rendah mereka nak makan apa. Harap kerajaan timbang perkara ini sewajar-wajarnya supaya ditambah gaji pokok kakitangan awam," katanya.

Datuk Che Min Che Ahmad (BN-Pasir Putih) berkata, kenaikan gaji kakitangan kerajaan adalah selaras dengan pendekatan Islam Hadhari kerana ia boleh mengurangkan gejala rasuah.

"Mereka adalah jentera kerajaan... kenapa berlaku rasuah? Ini kerana gaji kecil..." katanya.

Turut mencelah perbahasan ialah Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh) yang mencadangkan supaya gaji polis dan tentera dinaikkan kerana di negara lain seperti Singapura gaji polis lebih tinggi berbanding gaji golongan profesional.

"Perkara ini membataskan mereka mengamalkan rasuah," katanya.

FAKTA NOMBOR

Syor kenaikan gaji

40%

Gaji bawah RM1,000 sebulan

20%

Gaji antara RM1,000-RM2,000

10%

Gaji RM2,000 ke atas